

TEMA PMPT (2017-2019): MENJADI PENGIKUT YANG MEMILIKI PENGHARAPAN

TEMA KEUSKUPAN MELAKA JOHOR (2016-2020): GEREJA SEBAGAI KOMUNITI KELUARGA

SUB TEMA MAC: HARAPAN: HIDUP DALAM PERKONGSIAN YANG KREATIF

PENGENALAN: Kita hidup dalam perubahan era yang pesat. Kita sering mengalami situasi yang membuat kita berada di persimpangan jalan. Semoga kita mengambil jalan yang memiliki harapan dan hidup kreatif untuk mengasihi orang dan mencintai Allah.

LAGU PEMBUKAAN: DENGARLAH DOA KU

Tuhan harapan ku, Dengarlah doa ku

Jangan Tuhan lalui, Dengarlah doa ku

Ku ditimpa malang, Jiwa ku terseksa

Tangan mu ku pinta, Dengarlah doa ku

Godaan menimpa, Membawa sengsara

Kuatkanlah iman ku, Dengarlah doa ku

Dengarlah ..oh Tuhan, Keluhan jiwa ku

Berikan petunjuk-Mu, Dengarlah doa ku

DIALOG: Cerita seorang gadis yang ingin membunuh diri.

Yolanda, gadis yang berumur 22 tahun berdiri dalam keadaan berbahaya di sebuah jambatan dengan niat mahu membunuh diri dengan melompat ke dalam arus sungai yang sangat deras. Damien yang kebetulan lalu di situ ternampak akan tindakan Yolanda, menghampiri dan menegurnya dengan penuh hati-hati.

Damien : Hello cik, bukankah pemandangan dari atas sana menakjubkan! Tetapi bukankah berbahaya berada di atas sana?

Yolanda : Tiada apa yang indah dan menakjubkan buat saya. Pergilah!

Damien : Tolonglah turun dan mari kita berbual.

Yolanda : Tiada apa yang akan kamu katakan mampu meyakinkan saya dan mengubah fikiran saya!. Saya tidak boleh tahan dengan penderitaan ini sudah!

Damien : Tapi kamu kan masih ada keluarga yang mengasihi kamu dan ambil peduli terhadap kamu?

Yolanda : Keluarga??? Emmm, keluarga saya pun tidak mempedulikan saya.

Damien : Oh ok, Tetapi cik, kan masih lagi banyak pilihan dan jalan lain, tolonglah turun

dan mari kita bercerita.

Yolanda : Saya sudah mencoba semuanya----merokok, alkohol, dadah dan juga pelacuran. Tetapi semuanya tidak dapat mengurangi penderitaan saya, malah semakin teruk!

Damien : Ok. Saya faham kamu sudah mencoba semuanya yang ada di dunia ini, tapi adakah kamu sudah cuba campurtangan Allah.

Yolanda : Saya tidak tahu apa yang kamu merepek ini!

Damien : Marilah turun dan saya akan ceritakan pada kamu. (*Yolanda turun secara perlahan-lahan dan mendapatkan Damien*) Kamu tahukan Tuhan mengasihi kita tanpa batas. Tuhan sangat mengasihi kamu Yolanda, dan Allah tidak mahu kamu mengakhiri hidup kamu dengan cara seperti ini.

Yolanda : Tuhan??? Bagaimana mungkin Allah boleh mengasihi orang yang sangat berdosa seperti saya?

Damien: Allah sunnguh mengasihi semua orang berdosa, siapapun kita dan sejauh mana pun kita pernah menyaikiti Allah dengan dosa-dosa kita, Dia tetap mahu menjangkau kita dengan kasih dan belas kasihan-Nya.

Yolanda : Emmm...Okay,saya akan cuba untuk mendapatkan bantuan dan tengoklah apa yang mereka dapat bantu saya. Emm..mungkin kita boleh bertemu lagi di lain waktu....(Yolanda pergi dan meninggalkan Damien dan mereka berjanji untuk saling berhubungn lagi.)

Berbincang dengan teman di sebelah anda. Dan bincang sekali lagi dengan teman yang lain.

- Bagaimanakah perasaan anda dengan cubaan Damien dalam membantu Yolanda?
- Kongsikan buah fikiran anda bagaimana anda akan menangani situasi seperti ini/ atau adakah anda pernah menangani situasi orang yang tidak mempunyai harapan seperti ini.

PENDALAMAN:

TEKS ALKITAB: EFE 1:15-18

1. Memohon kepada Roh Kudus
(*Terbuka untuk menerima kuasa dari Kristus dan diterangi oleh Kristus...*)
2. Membaca teks sebanyak dua atau tiga kali
(atau menggunakan lukisan, gambar, lakonan, video,...)
3. Resapi Sabda Allah dalam keheningan
4. Apakah perkataan atau frasa yang menarik perhatian anda?
5. Apakah yang dikatakan oleh Roh Kudus kepada saya?

TINDAKAN:

- a) Kongsikan dalam kumpulan perkara no. 4+5
- b) Kongsikan HANYA 2 atau 3 perkara utama dalam kumpulan besar
- c) Fasilitator mengarah kumpulan untuk SATU tugas yang perlu dilakukan. (Hening seketika untuk mengamati tugas).
- d) Fasilitator membantu kumpulan mengerjakan beberapa perkara untuk tugas yang dipilih.
(Tugas / projek KED yang dijalankan yang akan membawa harapan kepada orang lain)
- e) Meluangkan masa untuk doa dalam keheningan. (Keperluan orang dalam masyarakat, tugas yang telah diputuskan, ...)

Nota untuk fasilitator:

1. Menggunakan cara-cara kreatif / alternatif dalam menjalankan tugas.
2. Perlu diingat tema, dan apa yang berlaku di dalam Dialog dan bahagian Pengamatan sebagai panduan.
3. Perlu diingat 4'E'[Encountered, Empowered, Enlightened, Evangelising; *Pertemuan, Pemberian kuasa, Kesedaran@ Pencerahan, Penginjilan*)
4. *Anda bebas untuk merumuskan proses 3D (Dialog, Pendalaman, Tindakan) supaya ia relevan dan bermakna kepada komuniti kecil anda.*

LAGU: KITA DIPILIH

Kita dipilih....melakukan kehendak Bapa

Kita dipilih...mengenapi Firman-Nya

CHO: Pergi dan menghasilkan buah tetap

Khabarkan keselamatan, dan bebaskan tawanan

Bersatu dengan kuasa, Yesus Kristus Tuhan